

**Kejayaan Pandelega Bukti Kejayaan Kerajaan Wujud Sekolah Sukan Bernama
10 Ogos, 2012**

ALOR SETAR, 10 Ogos (Bernama) -- Kejayaan atlet terjun negara, Pandelega Rinong meraih pingat gangsa Olimpik dalam acara 10m platform wanita membuktikan kejayaan kerajaan dalam mewujudkan sekolah sukan, kata Timbalan Menteri Pelajaran Datuk Wee Ka Siong.

Beliau berkata kemenangan Pandelega, bekas pelajar Sekolah Sukan Bukit Jalil, membuktikan usaha Kementerian Pelajaran menubuhkan sekolah sukan boleh membantu negara meraih pingat pada temasya sukan antarabangsa.

"Kontinjen negara kini tidak hanya bergantung kepada acara badminton untuk memperoleh pingat negara dalam Sukan Olimpik," katanya pada sidang media selepas majlis penyerahan cek bantuan modal kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) di Kedah di SRJKC Keat Hwa di sini Jumaat.

Gadis Bidayah berusia 19 tahun itu mengumpul 359.20 mata, di belakang Chen Ruolin dari China yang berjaya mempertahankan gelarannya dengan 422.30 mata dan pingat perak menjadi milik penerjun Australia Brittany Broben dengan 366.50 mata.

Sementara itu, Wee berkata Kementerian Pelajaran hari ini menyerahkan cek bantuan modal berjumlah RM6.975 juta iaitu sebanyak RM5.625 juta kepada 68 SRJKC dan RM1.35 juta kepada empat SMJK di Kedah.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687242>